

MEMAHAMI WABAK SELESEMA BURUNG

MALINA OSMAN



PADA Rabu lalu apabila Kerajaan Negeri Kelantan mengisytiharkan wabak selesema burung sebagai bencana negeri di bawah arahan peruntukan Majlis Keselamatan Negara 20, sebahagian masyarakat menerimanya sebagai satu kejutan manakala sebahagian lagi dengan tanda tanya. Meskipun wujud kegusaran, namun apa yang kita perlu ambil maklum bahawa tindakan itu adalah langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan jangkitan berlaku pada komuniti penduduk yang berada dalam daerah yang terlibat serta mengekang penularan wabak itu ke tempat lain.

Wabak selesema burung adalah penyakit pernafasan pada populasi avian iaitu termasuk ayam, burung, itik, ayam turki, angsa dan lain-lain. Pengumuman itu dilakukan selepas wabak jangkitan yang dikesan pada kelompok ternakan ayam di Kampung Pulau Tebu di Tunjong yang seterusnya dilaporkan oleh portal akhbar tempatan merebak ke beberapa daerah di Kelantan termasuk Pasir Mas, Kota Bharu dan Bachok.

Melalui peruntukan Majlis Keselamatan Negara 20 berkenaan, jabatan kerajaan terlibat perlu mengambil langkah berusaha mengekang penularan wabak berkenaan. Pada masa ini, hanya Jabatan Veterinar Negeri bertanggungjawab menguruskan wabak pada populasi ternakan domestik yang telah dikenalpasti.

Sehingga hari ini, laporan menyebut sejumlah 24,768 ternakan telah dilupuskan. Dalam konteks ini juga, apa yang paling penting tiada kes mahupun wabak dalam kalangan manusia yang telah dilaporkan. Virus penyebab jangkitan ialah virus avian influenza A, yang mana dikelaskan pula kepada kumpulan berkeupayaan tinggi menyebabkan jangkitan (*Highly Pathogenic Avian Influenza (HPAI) viruses*) dan juga kumpulan berkeupayaan rendah menyebabkan jangkitan (*Low Pathogenic Avian*



MENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek (tengah) ketika melawat kawasan operasi wabak selesema burung di Kampung Kubang Bemban, Pasir Mas, Kelantan, kelmarin. - BERNAMA

Influenza (LPAI) A viruses).

Virus berkenaan dikumuhkan keluar dari badan haiwan yang dijangkiti melalui air liur, bendalir salur pernafasan dan juga najis haiwan terabit. Kejadian selesema burung dalam kumpulan haiwan burung di habitat semula jadi berlaku melalui jangkitan pada sistem usus dan pernafasan haiwan. Bagaimanapun, gejala sakit akibat jangkitan virus ini tidak ketara dalam kalangan burung akuatik yang liar.

Jika virus penyebab selesema burung ini menjangkiti kumpulan ternakan domestik, jangkitan sangat mudah merebak melalui bendalir dan najis yang mengandungi virus. Ia juga berjangkit secara tidak langsung iaitu melalui sentuhan permukaan struktur atau alatan yang tercemar dengan virus berkenaan. Haiwan domestik biasanya menunjukkan gejala sakit teruk ketara sehingga boleh menyebabkan kematian.

Pada umumnya manusia bukan sasaran utama jangkitan virus namun risiko jangkitan tetap ada. Melalui bendalir haiwan yang infektif, seseorang itu boleh mendapat jangkitan melalui sentuhan tangan ke atas bendalir haiwan tersebut dan memindahkannya secara langsung ke bahagian mata, hidung, mulut atau melalui

udara pernafasan ke dalam paru-paru. Ini terjadi apabila individu itu tidak mengendahkan kebersihan tangan dan diri selepas memegang atau menyentuh haiwan domestik (avian) yang infektif. Jangkitan ke atas manusia juga berlaku apabila individu yang mempunyai sentuhan dengan haiwan burung atau permukaan tercemar tetapi tidak menggunakan peralatan perlindungan diri.

Apabila berlaku jangkitan, sindrom yang direkodkan adalah pelbagai iaitu pada spektrum jangkitan ringan sehingga jangkitan teruk. Jangkitan akibat virus dalam kategori HPAI pada manusia, didokumentasikan menyebabkan gejala demam selesema dan masalah pernafasan teruk, radang paru-paru dan kematian akibat kegagalan fungsi paru-paru.

Sementara itu, jangkitan virus avian dalam kumpulan LPAI pula dilaporkan menyebabkan gejala konjunktivitis dan demam selesema yang ringan. Individu yang mempunyai gejala jangkitan pernafasan dengan maklumat mempunyai sejarah pendedahan kepada populasi burung perlu mendapat rawatan segera dan mungkin memerlukan rawatan intensif. Buat masa ini terdapat antiviral yang dapat mengurangkan gejala teruk, penggunaan vaksin

prevention pula belum lagi terbukti berkesan. Meskipun jangkitan sesama manusia dalam kes selesema burung belum pernah dilaporkan namun langkah pencegahan perlu dilakukan untuk mengelakkan penularan wabak.

Kesemua produk seperti daging dan telur haiwan selamat untuk dimakan dengan syarat dibersihkan menurut langkah amalan kebersihan makanan yang disyorkan serta dimasak sempurna. Biasanya virus penyebab mati akibat pemanasan pada suhu masakan iaitu pada suhu melebihi 70 darjah Celsius. Sehingga kini, tiada kes jangkitan pada manusia dilaporkan melalui memakan makanan produk ternakan burung.

Oleh itu, pengisytiharan bencana akibat wabak selesema burung di Kelantan adalah langkah berjaga-jaga untuk mengekang mengelakkan penularan virus dalam haiwan domestik ke daerah lain di luar kawasan terjejas. Wabak berkenaan pada masa ini hanya melibatkan populasi ternakan domestik, tiada kes pesakit klinikal. Jabatan Veterinar Negeri dengan kerjasama agensi terlibat melaksanakan prosedur operasi piawai bagi mengekang penularan haiwan yang dijangkiti virus.

Langkah pencegahan pada masa ini yang perlu dilakukan oleh masyarakat adalah mengelakkan perhubungan langsung dengan haiwan domestik (semua jenis burung) tersebut yang hidup atau mengelakkan dari menyentuh secara langsung bangkai haiwan mati. Produk makanan dari haiwan berkenaan adalah selamat dimakan dengan syarat dibersihkan dengan sempurna serta dimasak pada suhu biasa dapur masakan.

Kesimpulannya, sama-samalah kita berdoa kepada Allah SWT dan terus melipatgandakan usaha semoga negara ini terus sejahtera dan terpelihara dari wabak penyakit selesema burung ini dan juga sebarang penyakit.

PROFESOR MADYA DR. MALINA OSMAN ialah Pakar Kesihatan Awam (Epidemiologi/Biostatistik), Jabatan Mikrobiologi dan Parasitologi Perubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia.